



MEI

SELAMAT 2025



www.maqis.gov.my



maqismalaysia



7 Mei 2025 | Alor Setar, Kedah

Perbincangan penyelarasan kerja antara Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan MAQIS Negeri Kedah melibatkan ternakan import dari Thailand.



8 Mei 2025 | Putrajaya

Mesyuarat isu pengurusan dan operasi MAQIS-AKPS di Bilik Gerakan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Wisma Tani, Putrajaya.



8 Mei 2025 | Johor Bahru, Johor

Sesi perbincangan antara MAQIS dan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) sempena lawatan Jawatankuasa Halal Negeri Johor .



9 Mei 2025 | Butterworth, Pulau Pinang

Mesyuarat penyelarasan operasi dan fasiliti pelabuhan Negeri Pulau Pinang telah dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Penguatkuasaan, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Puan Siti Nur binti Ahmad. Turut hadir dalam mesyuarat ini ialah Pengarah Bahagian Fasilitasi dan Hubungan Perdagangan AKPS, Tuan Abdun Nasir bin Enam @ Iman; Pengarah MAQIS Negeri Pulau Pinang, Tuan Muhammad Ikram bin Abd Talib; Ketua Seksyen Penang Port, Encik Hazwan bin Azhar; para pegawai MAQIS dan AKPS; serta wakil daripada Penang Port Sdn. Bhd.



9 Mei 2025 | Segamat, Johor

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) telah mengadakan Mesyuarat Kampung Angkat MADANI pada 9 Mei 2025 di Kampung Kenangan, Segamat. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah MAQIS, Tuan Shamsul Akbar bin Sulaiman, bersama ketua kampung, JPKK, wakil agensi, dan kontraktor yang terlibat.



13 Mei 2025 | Rantau Panjang, Kelantan

Mesyuarat Kumpulan Kerja Jawatankuasa Penyelaras Keselamatan Sempadan Darat (KKJPKSD) Bilangan 1 Tahun 2025



14 Mei 2025 | Balik Pulau, Pulau Pinang

Latihan amali persampelan darah sempena Program Persampelan Kebangsaan telah dilaksanakan oleh Pejabat Perkhidmatan Veterinar Barat Daya, Pulau Pinang.



14 Mei 2025 | Putrajaya

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) telah menerima kunjungan hormat daripada wakil New Zealand's Ministry for Primary Industries (MPI) pada hari ini di Putrajaya.



14 Mei 2025 | Pelabuhan Klang Barat, Selangor

Lawatan daripada wakil MIMOS Berhad, JAKIM dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) ke Pejabat MAQIS Pelabuhan Klang Barat.




16 Mei 2025 | Pulau Pinang

Lawatan kerja Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) ke MAQIS Negeri Pulau Pinang.



18 Mei 2025 | Perak

Lawatan kerja Timbalan Ketua Pengarah dan pengurusan tertinggi Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) ke MAQIS Negeri Perak.



18 Mei 2025 | Bukit Kayu Hitam, Kedah
Penyerahan keratan daging kerbau sejuk beku oleh pihak MAQIS Negeri Kedah kepada Pusat Pemulihan Akhlak Machang, Kelantan.






20 Mei 2025 | Bukit Kayu Hitam, Kedah

Pengauditan sistem i-MAQIS oleh Bahagian Import, Eksport dan Data di bawah MAQIS.



20 Mei 2025 | Kelantan

Program Agroteknologi FIAT UMK ke MAQIS Negeri Kelantan bertujuan memperkasa pengetahuan dalam kawalan kualiti dan keselamatan produk pertanian.



21 Mei 2025 | Alor Setar, Kedah

Operasi pemeriksaan bekalan beras putih tempatan (BPT) oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) @ (MAREA) bersama Kawal Selia Padi Kedah telah dijalankan bagi memastikan keberadaan BPT di peringkat runcit sekitar Alor Setar serta memantau harga kawalan maksimum di peringkat pengguna, iaitu pada kadar RM2.60/kg seperti yang termaktub di bawah peruntukan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522].



21 Mei 2025 | Kelantan

Program kunjungan hormat antara Agensi Kawalan Sempadan (AKPS) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).



24 Mei 2025 | Cheras, Kuala Lumpur

Kursus Asas Pegawai Perhubungan Awam MAQIS Siri 1 bagi tahun 2025 telah diadakan bagi memperkasakan peranan pegawai perhubungan awam di peringkat jabatan. Majlis ini turut dihadiri oleh Ketua Pengarah MAQIS, Tuan Shamsul Akbar bin Sulaiman, bersama Ketua Unit Komunikasi Korporat bagi menyampaikan watak pelantikan kepada pegawai perhubungan awam MAQIS.



27 Mei 2025 | Padang Besar, Perlis

Audit pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Perlis telah dilaksanakan di Pejabat Negeri MAQIS Padang Besar, Perlis.



SIDANG REDAKSI

PENAUNG

SHAMSUL AKBAR BIN SULAIMAN

Ketua Pengarah MAQIS

PENASIHAT

DR. AZHARI SHARIDAN BIN ABU BAKAR

Timbalan Ketua Pengarah MAQIS

KETUA EDITOR

MOHAMMAD FADZLI BIN MOHD NAIM

Unit Komunikasi Korporat (UKK) MAQIS

EDITOR

NUR HAKIM REDDY BIN AHMAD IDRIS

Unit Komunikasi Korporat (UKK) MAQIS NEGERI KEDAH